

Tabung Haji laksana peraturan lebih ketat

BH 21 SEP 2001

Oleh Tuan Nazuri
Tuan Ismail

KUALA LUMPUR, Khamis — Tabung Haji akan memperkenalkan peraturan baru yang lebih ketat dalam pengeluaran simpanan bagi mengelakkan penipuan serta menjamin caruman pendeposit.

Tabung Haji diarahkan memperkenalkan peraturan baru itu berikutan kehilangan lebih RM9 juta dari akaun pendeposit yang dipercayai dilakukan sindiket menerusi sekurang-kurangnya 14 transaksi.

Semua kes itu dilaporkan berlaku di Ibu Pejabat Tabung Haji di sini dan cawangannya di Seremban dan Banting.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata Tabung Haji sedang mengadakan perbin-

JPN dan KDN akan membantu memperkenalkan peraturan lebih kemas untuk mengelak penipuan dalam urusan pengeluaran caruman

cangan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi memperkenalkan peraturan yang lebih kemas dan selamat bagi setiap urusan pengeluaran caruman.

“Nampaknya, formula bagi kaedah baru itu sudah ada tetapi saya tidak dapat jelaskan lagi bentuknya,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis penerimaan cek zakat perniagaan sebanyak RM4 juta kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) di sini, hari ini.

Sebanyak lapan syarikat

dan organisasi menyerahkan zakat perniagaan, iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (RM1.9 juta); Perumahan Kinrara Berhad (RM663,000); KAF Discountts Berhad (RM638,000); Tenaga Nasional Berhad (RM423,000), Takaful Nasional Berhad (RM193,000); Moccis Berhad (RM103,000); Asean Takaful international (Labuan) (RM72,000), Kofoeta Berhad (RM23,000) dan Kopetro Berhad (RM28,000).

Ketika ini, pendeposit Tabung Haji hanya perlu mengisi borong pengeluaran dan mengemukakan kad pengenalan untuk

mengeluarkan wang tanpa had tetapi perlu meninggalkan baki RM10 dalam akaun masing-masing.

Tabung Haji yang ditubuhkan pada 1963, mempunyai 4.5 juta penyimpan sehingga 30 April lalu dengan dana berjumlah RM10.1 bilion.

Baru-baru ini, agensi itu mendapat kritikan berikutan kehilangan lebih RM9 juta dari akaun pendeposit.

Mengulas dakwaan beberapa pihak bahawa Tabung Haji termasuk beliau sendiri menyembunyikan maklumat berkaitan kehilangan wang itu, Abdul Hamid berkata, pihaknya tidak pernah berbuat de-

mikian kerana kes itu kini disiasat polis.

“Isu pengeluaran wang itu di bawah siasatan polis dan saya langsung tidak campur tangan. Tidak timbul soal kita mahu menyembunyikan maklumat,” katanya.

Dalam majlis yang sama, Abdul Hamid turut mengumumkan pelantikan tujuh tokoh dalam pelbagai bidang termasuk perniagaan, syarie dan kewangan, sebagai anggota panel pelaburan Tabung Haji.

Mereka ialah Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syarie, Datuk Sheikh Ghazali Abd Rahman, 63, Ketua Pengarah Yayasan Pembangunan Ekonomi

Islam Malaysia; Dr Abd Malek Awang Kechil, 44 dan Pengarah Eksekutif MBF Holdings Berhad, Azizan Abdul Rahman, 51.

Empat lagi ialah Ketua Perkhidmatan Korporat Amanah Capital Malaysia Bhd, Abdul Wahid Omar, 37, Pengarah Hartanah Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, Mohd Bakke Salleh, 47 dan dua ahli perniagaan, Datin Paduka Zahridah Ismail, 54, serta Toh Puan Dr Hayati Mohammad, 42.

Zahridah ialah Pengarah Symphony Global Technologies Sdn Bhd dan Pemegang Amanah Yayasan Budi Penyayang manakala Dr Hayati ialah Ketua

Projek bagi Proses Perniagaan di Kementerian Sumber Manusia. Seorang lagi anggota panel juga akan dilantik Bank Negara Malaysia dalam tempoh terdekat ini.

Sebelum ini, Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Capital Partners Berhad, Datuk Seri Syed Anwar Jamalullail diumumkan sebagai pengerusi panel berkenaan.

Rombakan panel pelaburan Tabung Haji diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 31 Ogos lalu selepas Tabung Haji didapati mengalami kerugian akibat pelaburan ‘kurang bijak’.